

**NO SOALAN : 60**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 21.10.2015  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah elaun  
"Hard Living" (Kesukaran Hidup) diperkenalkan semula  
khususnya kepada warga Tentera Laut Diraja Malaysia  
(TLDM) yang berkhidmat di kapal dan beroperasi di laut.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Elaun *Hard Living* tidak pernah wujud dalam ATM khususnya TLDM. Walau bagaimanapun, dalam tahun 70an anggota TLDM yang ditugaskan di kapal-kapal kecil di mana fasilitas dan kemudahan tempat tidur adalah sempit berbanding kapal besar yang lebih selesa adalah layak dibayar dengan *Hard Lying Money* mengikut kadar berikut:**

- a. Pegawai – RM 1.00 sehari.**
- b. Anggota LLP – RM 0.50 sehari.**

***Cabinet Committee Report (CCR) 1977* telah mengesyorkan agar *Hard Lying Money* ini dimansuhkan kerana ketidakselesaan yang dimaksudkan bukan sahaja dialami oleh anggota TLDM bahkan juga anggota Tentera Darat (TD) dan anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Seterusnya elemen *Hard Lying Money* ini telah diambil kira dan dimasukkan dalam penetapan skim gaji anggota ATM.**